

07/05/2002

Mahathir anggap pembebasan Suu Kyi satu kejayaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pembebasan Aung San Suu Kyi daripada tahanan rumah sebagai satu kemajuan dalam perkembangan politik serta demokrasi di Myanmar.

"Saya rasa ini satu kemajuan dan kita perlu menerimanya. Ia menunjukkan kewarasan Suu Kyi dan kerajaan Myanmar dan kedua-duanya wajar dipuji.

"Saya tidak percaya sesuatu itu boleh dicapai dalam tempoh semalaman. Perkara ini mengambil masa yang lama, kita perlu bersabar," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Pembebasan Suu Kyi dianggap kejayaan besar selepas lebih dari sedekad kebuntuan politik di negara itu.

Penerima anugerah keamanan Nobel berusia 56 tahun itu dihalang keluar dari rumahnya dengan talian telefon dipotong sejak September 2000 selepas cuba mengingkari larangan kerajaan membuat perjalanan keluar dari ibu negara, Yangon.

Suu Kyi muncul sebagai pemimpin pergerakan demokrasi Myanmar pada 1988 selepas tentera menyekat bantahan antikerajaan. Myanmar yang kini mengangotai Asean diperintah pihak tentera sejak 1962.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata persefahaman yang wujud antara junta yang memerintah dengan pemimpin politik Myanmar sehingga membawa pembebasan Suu Kyi adalah hasil usaha yang dijalankan Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail.

"Rakyat Malaysia boleh berbangga dengan pengiktirafan yang begitu tinggi ini kerana Razali bukan saja dipilih PBB sebagai orang tengah, malah beliau berjaya menghapuskan jurang antara pihak bertelagah sehingga Suu Kyi dapat dibebaskan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Loji Sterilisasi, Steril Gamma (M) Sdn Bhd di Rawang hari ini, Syed Hamid berkata masyarakat antarabangsa kini sudah dapat menerima hakikat Malaysia boleh berperanan sebagai pendamai antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia memang diiktiraf dan diterima PBB sebagai negara yang berupaya dalam menjadi pendamai antarabangsa.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang dalam kenyataannya pula berkata, Razali berhak mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa atas kejayaannya menjadi pendamai dalam pergolakan politik Myanmar.

Lim berkata, dengan pembebasan Suu Kyi juga, semua pemimpin negara Asean perlu memberi sokongan dalam memastikan sistem demokrasi di negara itu dilaksanakan.

(END)